



*Khutbah Jumaat 8 Disember 2023M / 24 Jumadal Ula 1445H: "Penjaga Kemuliaan Agama Islam"*  
*Jabatan Agama Islam Selangor*


# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK :**

## **PENJAGA KEMULIAAN AGAMA ISLAM**



Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "PENJAGA KEMULIAAN AGAMA ISLAM".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ  
بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوْكُمْ فِي مَا إَاتَنَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ

الْعِقَابِ وَإِنَّهُ وَلَغَفُورٌ رَّحِيمٌ<sup>1</sup> (165)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتْقُوا اللَّهَ! أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ تُتَّقَوْيَ اللَّهُ فَقْدٌ فَارِ  
الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ  
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ (169)

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

Bersempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang ke-78 pada 11 Disember 2023 ini, maka hayatilah khutbah yang akan disampaikan yang bertajuk "PENJAGA KEMULIAN AGAMA ISLAM."

<sup>1</sup> Al-An'am : 165



Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(2) memperuntukkan Raja adalah sebagai Ketua Agama Islam bagi negerinya dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu. Sebagaimana juga yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959 Perkara 48, Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah menjadi Ketua Agama Negeri dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

7

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am ayat 165 yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

*"Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjah, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

8

Selaras dengan peruntukan tersebut, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 digubal bagi memperuntukkan bidang kuasa dan tanggungjawab MAIS serta agensi Islam yang lain terhadap agama Islam dan umat Islam di dalam Negeri Selangor.

9



<p>MAIS ditubuhkan di bawah seksyen 4(1) berperanan sebagai badan penasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan merupakan pihak berkuasa utama selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam di negeri Selangor kecuali perkara-perkara yang berkenaan dengan penentuan Hukum Syarak dan Pentadbiran Keadilan.</p>	10
<p>Enakmen tersebut turut memperuntukkan fungsi MAIS untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam, tanggungjawab dan kuasa-kuasa MAIS dalam mentadbir hal ehwal agama Islam di dalam Negeri. Dalam melaksanakan dasar-dasar dan kuasa-kuasa MAIS,</p>	11
<p>Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) iaitu agensi di bawah kerajaan Negeri Selangor telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu melaksanakan dasar-dasar dan kuasa-kuasa MAIS.</p>	12
<p>Manakala perkara berkaitan pelaksanaan fungsi-fungsi kehakiman Islam dan pentadbiran keadilan, MAIS berperanan untuk menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam pelantikan Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Seksyen 56, 57 dan 58 Enakmen yang sama. Segala perkara berhubung penubuhan Mahkamah dan pelantikan Hakim- Hakim Mahkamah Syariah perlu dibuat melalui MAIS.</p>	13



Selanjutnya, dalam perkara berkaitan Hukum Syarak, Duli Yang Maha Mulia Sultan berkuasa melantik Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor bagi menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkaitan dengan semua perkara Hukum Syarak. Seksyen 46 memperuntukkan, MAIS mempunyai kuasa dalam melantik anggota Jawatankuasa Fatwa. Jawatankuasa Fatwa mempunyai kuasa untuk menyediakan fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubungan dengan Hukum Syarak seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

14

Kerajaan Negeri dalam pentadbiran agama Islam melalui Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam (EXCO Kerajaan Negeri) yang berfungsi sebagai *liaison officer* di antara MAIS dan Kerajaan Negeri bagi perkara berikut:

1. Memberi pandangan dan memastikan dasar-dasar MAIS mengenai Hal Ehwal Islam dapat dilaksanakan oleh kerajaan negeri.
2. Memastikan peruntukan daripada kerajaan negeri kepada JAIS, Jabatan Mufti Selangor dan Mahkamah Syariah digunakan dengan sewajarnya selaras dengan tujuan peruntukan itu diberikan di Negeri Selangor.
3. Memberi pandangan tentang penggubalan polisi dan pelaksanaannya mengenai hal ehwal Islam di Negeri Selangor.

15

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj sejak menduduki tampuk pemerintahan sangat prihatin kepada pelaksanaan prinsip-prinsip Islam, ancaman-ancaman yang menggugat kesucian agama Islam dan memastikan umat Islam sentiasa memperkuuhkan kekuatan dan kesatuannya. Semua perkara-perkara ini telah dilaksanakan dengan penuh pertimbangan, kesaksamaan dan adil kepada semua rakyat.

16



Ini selaras dengan Firman Allah SWT dalam surah Sad ayat 26:

يَدَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحُقْقِ  
وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَى فَيُضِلُّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

17

*"Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah."*

18

Baginda Sultan telah mengarahkan MAIS supaya mempertahankan penggunaan kalimah 'Allah' dan menegaskan dalam titahnya supaya rakyat Negeri Selangor yang bukan beragama Islam akur dan mematuhi larangan penggunaan kalimah Allah sepetimana diperuntukkan dalam Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam 1988) yang telah diwartakan pada 7 Julai 1988.

19

Ini termasuklah penggunaan beberapa perkataan lain yang termaktub di bawah Enakmen Ugama Bukan Islam ini bagi tujuan komersial dan bagi tujuan menamakan tempat perniagaan atau bangunan. Titah baginda lagi, kalimah Allah tidak boleh diletakkan di tempat salah atau digunakan selain daripada maksud Tuhan Yang Maha Esa yang menjadi pegangan akidah umat Islam".



Imam al-Ghazali berkata dalam kitabnya berjudul al-Iqtisad fi al-l'tiqad:

الدِّينُ أَسْ وَالسُّلْطَانُ حَارِسٌ وَمَا لَا أَسَ لَهُ فَمَهْدُومٌ وَمَا لَا حَارِسَ لَهُ

فَضَائِعٌ

20

*"Agama itu adalah asasnya sedangkan pemerintah sebagai pengawalnya. Apa yang tidak ada asasnya, nescaya boleh membawa keruntuhan dan apa yang tidak ada pengawalnya akan menjadi hilang."*

21

Baginda amat mengambil berat tentang pentingnya perpaduan dan persaudaraan umat Islam di Selangor. Titah baginda dalam Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Nazir dan Imam Masjid-Masjid Negeri Selangor 2023-2025 di Istana Alam Shah;

*"Beta amat tidak berkenan masjid dijadikan medan politik dan propaganda politik kepartian. Masjid hendaklah menjadi tempat yang bebas dari sebarang pengaruh dan elemen politik kepartian. Kuliah-kuliah agama yang dijalankan di masjid-masjid tidak sepatutnya dijadikan sebagai platform untuk menghina, mengumpat, menfitnah dan mencaci mana-mana pihak. Jika perkara ini berlaku ia akan menyebabkan persengketaan berpanjangan dan akan merosakkan ikatan persaudaraan sesama umat Islam,".*

22



Keprihatinan Baginda dalam mengukuhkan perpaduan dalam kalangan umat Islam dan dalam menjaga keharmonian masyarakat dalam Negeri Selangor ini telah dizahirkan melalui khutbah-khutbah yang disampaikan melalui mimbar-mimbar masjid. Sebagai contoh, baginda mengulangi peringatan melalui khutbah yang disampaikan pada 21 Julai 2023 dimana Baginda mengingatkan akan bahayanya perbuatan mengumpat, mencela, mencaci, memaki hamun apatah lagi memfitnah yang mana ianya tergolong perbuatan dosa besar yang lebih buruk daripada membunuh.

23

Baginda yang juga Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) bimbang jika amalan memfitnah serta caci-mencaci ini tidak dibendung, perpecahan umat Islam khususnya di Selangor ini akan menjadi semakin parah dan tidak terkawal.

Daripada Tamim al-Dariy Radiallahuanhu bahawa Nabi SAW bersabda:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ. قُلْنَا: مَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ  
الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

24

“Agama itu merupakan nasihat”. Kami bertanya : “Untuk Siapa?”, Sabda Nabi SAW: “Untuk Allah, Kitab-Kitab-Nya, Para Rasul-Nya, dan bagi Para Pemimpin Kaum Muslimin dan kesemua mereka”.

25

*(Riwayat Muslim).*



Imam al-Mawardi menukilkan dalam kitabnya al-Ahkam al-Sultaniyyah, beliau menyebutkan:

26

الإِمَامَةُ مَوْضُوعَةٌ لِخِلَافَةِ النُّبُوَّةِ فِي حِرَاسَةِ الدِّينِ وَسِيَاسَةِ الدُّنْيَا بِهِ

*"Imamah atau pemimpin utama adalah menjadi pengganti kenabian dalam mengawal agama dan bersiyasah dunia dengan agama."*

27

Kesimpulannya, hal ehwal tadbir urus Agama Islam di Selangor adalah berdasarkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 yang diterajui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan dibantu oleh MAIS dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri iaitu Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Pelaksanaan tanggungjawab dan fungsi setiap agensi tersebut telah diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

28

Sepertimana yang dinyatakan oleh para cendekiawan:

النَّاسُ عَلَى دِينِ مُلُوكِهِمْ

*"Manusia adalah berdasarkan agama (cara hidup) pemimpinnya."*

29

Ucapan ini menepati realiti kemasyarakatan dan inilah yang berlaku dalam kebanyakan kehidupan manusia. Justeru, Sultan sebagai suri teladan, maka sudah tentu akan memberi kesan yang mendalam kepada rakyatnya.



Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama menghayati pengajaran seperti berikut :

1. Umat Islam wajib meneguhkan keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya.
2. Umat Islam wajib mentaati arahan-arahan pemerintah yang adil terutama sekali dalam hal ehwal agama Islam.
3. Umat Islam wajib mencontohi keperibadian Rasulullah SAW.

30

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا  
آسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي أَرْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ  
مِّنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ  
فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

31

"Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka (khalifah-khalifah yang berkuasa) dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan mengantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekuatkan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka."

32

(Surah al-Nur : 55)



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

33

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

34



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا  
إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

2

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْ صِيَّكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِئَكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا أَلَّا يَنْهَا أَمَّا  
صَلَوَةُ عَلَيْهِ الْمُتَّقِيَّةُ فَلَا يَنْهَا أَنْ يَصُلُّ عَلَيْهِ أَمَّا صَلَوةُ عَلَيْهِ

5

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

8

اللّٰهُمَّ أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ.

9



<p>اللّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَابِتَكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحْفَظِ وَقَاتِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	10
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحاجِ.</p>	11
<p>اللّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَىَّةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ،</p>	12
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنْتَكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ. اللّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِّ وَالرَّشَادِ.</p>	13
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah,</p>	14
<p>penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	15



<p>اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمٌ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَشْهُدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، أَنَّكَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَلَّا حُدُّ الصَّمَدُ، أَلَّا ذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.</p>	16
<p>اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، أَلَّذِينَ قَاتَلُوا إِخْرَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فِلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ ، اللَّهُمَّ شَتِّ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ، بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.</p>	17
<p>اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فِلَسْطِينِ. 2X</p>	18
<p>Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Ya Allah! sayangi dan kasihilah mereka, keluarkanlah mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianaya serta dizalimi. Ya Allah! Anugerahkanlah kemenangan kepada saudara kami kaum muslimin di Palestin.</p>	19
<p>Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Blnalah semula keamanan di bumi Palestin dan kembalikannya ke pangkuan kaum Muslimin.</p>	20



<p>اللَّهُمَّ إِنَا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَأِطْ عَلَيْهِمْ كُلَّبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ.</p>	21
<p>اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِي السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ، إِهْزِمْهُمْ، وَانْصُرْ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.</p>	22
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادَةِ وَالْمِحَنَّ، بِلْطِفَّاكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِإِلَإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	23
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَّتَنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	24
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾</p>	25
<p>فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	26